BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 11/05/49 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 2015 pada hari Isnin, 28 November 2005**

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan Oktober 2005
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pembiayaan kepada sektor swasta dikekalkan pada paras yang tinggi pada bulan Oktober. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.7% pada akhir bulan Oktober, sementara jumlah pinjaman bank terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.3%. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya, terus mengembang dengan pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 10.2% pada bulan Oktober, mencakupi 42% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan.

Sementara itu, sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) bertambah kukuh kepada 13.4% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 4.7% pada bulan Oktober.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 11/05/49 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 2015 pada hari Isnin, 28 November 2005**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN OKTOBER 2005

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pembiayaan kepada sektor swasta dikekalkan pada paras yang tinggi pada bulan Oktober. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.7% pada akhir bulan Oktober, sementara jumlah pinjaman bank terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.3%. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya, terus mengembang dengan pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 10.2% pada bulan Oktober.

Pada tempoh 1 Oktober – 25 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil dengan purata 2.70%, sementara kadar antara bank 1 bulan dan 3 bulan meningkat sedikit. Dalam pasaran runcit, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatif stabil, masing-masing pada 5.95% dan 8.68%.

Pada tempoh 1 Oktober – 25 November, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau. USD menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau termasuk ringgit.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, menjadi sederhana kepada 3.3% pada bulan Oktober, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang perlahan bagi makanan, perubatan serta pengangkutan dan perhubungan. Harga pengeluar meningkat pada bulan September, berikutan peningkatan Indeks Harga Pengeluar pada kadar tahunan 9.4%, disebabkan terutamanya harga minyak mentah dan getah yang lebih tinggi.

Kadar pertumbuhan agregat monetari dikekalkan pada bulan Oktober. Wang secara kecil atau M1, dan wang secara luas, M3, masing-masing berkembang pada kadar tahunan 12.6% dan 9.8% pada akhir bulan Oktober.

Dalam pasaran modal, dana bersih yang diperoleh adalah lebih besar sebanyak RM8.1 bilion pada bulan Oktober, iaitu jumlah bulanan terbesar pernah dicatat pada tahun 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh dana yang diperoleh dalam pasaran sekuriti hutang.

Sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) bertambah kukuh kepada 13.4% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan, terus berada pada 4.7% pada bulan Oktober.

Kadar faedah secara relatif kekal stabil

Pada tempoh 1 Oktober – 25 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.69%-2.70%, dengan purata 2.70%. Sementara itu, kadar antara bank purata untuk tempoh pemegangan 1 bulan dan 3 bulan terus meningkat sedikit, mencerminkan jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat pada masa hadapan. BLR purata bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. Sementara itu, ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatif kekal stabil, masing-masing pada 5.95% dan 8.68% (masing-masing 5.90% and 8.70% pada akhir bulan September).



Kadar antara bank semalaman stabil



Kadar antara bank untuk tempoh pemegangan 1 bulan and 3 bulan terus meningkat sedikit pada bulan Oktober



Terdapat suntikan mudah tunai ke dalam sistem pada bulan Oktober terutama bagi mengimbangi penguncupan operasi luaran.



ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan stabil.



Nisbah pembiayaan-deposit meneruskan trend meningkat yang sederhana, dalam keadaan pertumbuhan dalam pembiayaan yang kekal dan pertumbuhan dalam deposit yang lebih perlahan sedikit.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Sep 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Okt 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
18 Nov 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Sep 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
Okt 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
18 Nov 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan bertambah baik sedikit pada bulan Oktober

Prestasi ringgit

Pada tempoh 1 Oktober – 25 November, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau. USD menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau termasuk ringgit berikutan jangkaan umum bahawa kadar faedah Amerika Syarikat akan terus meningkat. Kelemahan euro mencerminkan jangkaan yang berkurang bahawa kadar faedah akan dinaikkan oleh Bank Pusat Eropah, serta pergolakan sosial di Perancis. Yen juga menunjukkan trend menurun mencerminkan tanggapan pasaran mengenai perubahan pada dasar monetari Jepun yang lewat, dan permintaan Jepun yang kukuh terhadap aset asing yang menjana hasil lebih tinggi. Selain perkembangan pada kadar pertukaran negara G3, mata wang serantau telah dipengaruhi oleh faktor-faktor yang khusus kepada sesebuah negara. Peso Filipina, rupiah Indonesia, won Korea dan dolar Singapore menjadi kukuh berbanding dengan ringgit, manakala baht Thai menjadi lemah berbanding dengan ringgit.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 04	Sept. 05	Okt. 05	25 Nov. 2005	Akhir Dis. 04 - 25 Nov. 2005	Akhir Sept. 05 - 25 Nov. 2005
Dolar AS	3.8000	3.7692	3.7748	3.7797	0.5	-0.3
Euro	5.1729	4.5421	4.5515	4.4519	16.2	2.0
Paun sterling	7.3169	6.6438	6.6999	6.5119	12.4	2.0
100 yen Jepun	3.7026	3.3359	3.2616	3.1693	16.8	5.3
Dolar Singapura	2.3258	2.2315	2.2308	2.2341	4.1	-0.1
100 baht Thai	9.7636	9.1988	9.2576	9.1707	6.5	0.3
100 peso Filipina	6.7706	6.7262	6.8570	6.9704	-2.9	-3.5
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0366	0.0373	0.0375	8.8	-2.5
100 won Korea	0.3671	0.3619	0.3618	0.3632	1.1	-0.3
Renminbi China	0.4591	0.4669	0.4679	0.4678	-1.9	-0.2

Inflasi sederhana sedikit pada bulan Oktober

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3.3% pada bulan Oktober (September: 3.4%). Penyederhanaan inflasi pada bulan itu terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan bagi kategori makanan, perubatan serta pengangkutan dan perhubungan. Harga bagi makanan di rumah, dan juga makanan yang diambil di luar, naik pada kadar yang lebih perlahan. Kenaikan sederhana bagi kategori pengangkutan dan perhubungan disebabkan terutamanya oleh berakhirnya kesan pelarasan harga petrol yang dilaksanakan pada bulan Oktober 2004. Sementara itu, IHP bagi minuman dan tembakau adalah lebih tinggi, mencerminkan kesan kenaikan duti eksais baru-baru ini.



Inflasi menjadi sederhana kepada 3.3% pada bulan Oktober

Inflasi harga pengeluar terus meningkat

Kadar pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat lagi kepada 9.4% pada bulan September (Ogos: 9%). Kenaikan ini disebabkan

terutamanya oleh harga minyak mentah yang terus naik serta harga getah yang lebih tinggi, yang lebih daripada mengimbangi kejatuhan harga minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, tanpa mengambil kira harga komoditi, inflasi IHPR hanya meningkat sedikit, iaitu sebanyak 2.2% (Ogos: 2.1%), berikutan pertumbuhan harga makanan serta binatang hidup dan produk berkaitan kimia.



Inflasi IHPR terus meningkat

Agregat monetari terus berkembang pada kadar pertumbuhan yang mapan

Pada bulan Oktober, wang secara kecil atau M1, dan wang secara luas atau M3, masing-masing berkembang pada kadar tahunan 12.6% dan 9.8% (September: masing-masing 9.9% dan 10.9%). Peningkatan M1, yang terdiri daripada baki urus niaga, mencerminkan terutamanya peningkatan wang dalam edaran menjelang musim perayaan pada bulan November. Sementara itu, M3 meningkat sedikit, iaitu sebanyak RM0.9 bilion pada bulan Oktober. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan tuntutan terhadap sektor swasta adalah lebih tinggi pada bulan itu. Peningkatan tuntutan bersih terhadap Kerajaan disebabkan oleh terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang baru. Namun begitu, ia telah diimbangi oleh penguncupan dalam operasi luaran bersih.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Sep 05**	**Okt 05**	**Jan-Okt 05**
M3	68.0	1.2	0.9	39.8
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-1.2	3.1	-15.0
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.3	9.3	4.1	34.2
Pinjaman	*39.8*	*8.4*	*3.5*	*39.9*
Sekuriti	*-9.5*	*0.9*	*0.6*	*-5.7*
Operasi luar negeri bersih *	82.0	-9.0	-11.4	28.9
Pengaruh lain	-28.3	2.1	5.1	-8.3

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit dalam pasaran antara bank berkurang pada bulan Oktober

Pada bulan Oktober, jumlah deposit dengan sistem perbankan berkurang sebanyak RM5.4 bilion, walaupun pada asas tahunan jumlah yang digembleng lebih tinggi sebanyak 11.9% (September: 13.4%). Pengurangan itu mencerminkan terutamanya deposit institusi kewangan, Kerajaan Persekutuan dan badan berkanun yang lebih rendah. Pengurangan deposit institusi kewangan mencerminkan penurunan deposit dalam pasaran antara bank dan juga oleh institusi kewangan bukan bank domestik. Manakala itu, deposit perusahaan perniagaan domestik dan individu meningkat pada bulan itu.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 05	**Ogos 05**	**Sep 05**	**Okt 05**
Kerajaan Persekutuan	-312	140	147	-756
Kerajaan Negeri	182	297	-14	34
Badan Berkanun [1]	-657	2	-99	-960
Institusi Kewangan	-1,912	-884	-368	-7,213
Perusahaan Perniagaan	-1,567	8,343	709	1,235
Individu	539	1,062	1,281	1,682
Lain-lain [2]	13	-507	1,950	543
Jumlah	-3,714	8,454	3,607	-5,437

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 05	**Ogos 05**	**Sep 05**	**Okt 05**
Deposit tetap	2,190	3,540	-592	-3,177
NID	-6,344	3,058	5,333	-8,103
Deposit permintaan	-1,671	316	871	1,220
Deposit tabungan	-230	-160	206	199
Perjanjian beli balik (Repo)	2,739	1,624	-5,808	3,185
Deposit mata wang asing	-1,252	-147	2,015	665
Deposit SPI	717	94	1,346	-13
Lain-lain	137	130	237	587
Jumlah	-3,714	8,454	3,607	-5,437

Pembiayaan kepada sektor swasta dikekalkan pada tahap yang tinggi pada bulan Oktober

Pada bulan Oktober, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM53.5 bilion (September: RM53.5 bilion), iaitu peningkatan pada kadar tahunan 19.7% (September: 13.3%). Tahap pembiayaan itu disokong terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang berjumlah RM49.9 bilion (September: RM49.4 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) berkembang pada kadar tahunan 9.7% (September: 9.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta dikekalkan pada tahap yang tinggi pada bulan Oktober



Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman dikekalkan, sementara pembayaran balik adalah lebih tinggi

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	September	Oktober	September	Oktober
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.5	27.1	9.3	12.5
Kelulusan pinjaman	19.1	18.4	21.0	18.3
Pengeluaran pinjaman	49.4	49.9	15.3	20.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	8.0	3.4	9.2	9.3
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	12.9	13.5	-8.8	5.1
Kelulusan pinjaman	9.6	9.2	35.4	17.7
Pengeluaran pinjaman	34.3	34.7	17.7	21.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.1	-0.1	3.9	4.5
PKS				
Permohonan pinjaman	5.1	4.5	1.8	-8.8
Kelulusan pinjaman	4.0	2.8	26.5	-6.1
Pengeluaran pinjaman	10.1	9.6	17.2	11.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.3	0.7	9.8	10.2
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	13.6	13.0	28.0	20.1
Kelulusan pinjaman	8.7	9.1	2.0	18.7
Pengeluaran pinjaman	12.9	13.2	13.9	16.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.6	4.1	14.9	15.1

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh

Aktiviti pemberian pinjaman bank yang berterusan dicerminkan dalam sektor perniagaan dan isi rumah



Pengeluaran pinjaman kekal meliputi kesemua sektor

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan berjumlah RM34.7 bilion, dan mengembang pada kadar tahunan 21.4% (September: 17.7%), dengan pengeluaran yang lebih tinggi disalurkan terutamanya kepada sektor harta tanah; perkilangan; dan kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Pembayaran balik pinjaman adalah lebih tinggi, terutamanya dalam sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; dan utiliti (elektrik, gas dan air). Dari segi penunjuk masa hadapan, permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan yang besar adalah lebih tinggi pada asas tahunan dan bulanan, manakala permohonan dan kelulusan pinjaman PKS adalah sederhana sedikit berikutan peningkatan yang kukuh yang dicatat pada bulan sebelumnya. Sementara itu, penunjuk pinjaman sektor isi rumah pada asas bulanan secara relatif adalah stabil.

Dalam keadaan pembayaran balik yang lebih tinggi, pinjaman terkumpul pada asas bulanan meningkat dengan lebih sederhana sebanyak RM3.4 bilion, sementara

pada asas tahunan, pertumbuhan dikekalkan pada 9.3% (September: RM8.0 bilion atau 9.2%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan yang lebih cepat sebanyak 4.5% (September: 3.9%), sementara pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah secara relatif dikekalkan pada 15.1% (September: 14.9%). Pengembangan pinjaman perniagaan terkumpul disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam pinjaman terkumpul kepada PKS yang meningkat 10.2% (akhir bulan September: 9.8%). Bahagian pinjaman terkumpul PKS kepada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul berada pada 42% pada akhir bulan Oktober (akhir tahun 2004: 40.3%).

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal lebih tinggi

Jumlah dana bersih bulanan terbesar yang diperoleh daripada pasaran modal sehingga kini untuk tahun 2005 dicatat pada bulan Oktober. Daripada jumlah dana bersih sebanyak RM8.1 bilion, pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) menerbitkan sejumlah kasar RM4.8 bilion pada bulan itu. Syarikat-syarikat dalam sektor perniagaan dan borong, pembinaan dan perkilangan ialah penerbit utama dan dana diperoleh untuk membiayai aktiviti baru dan membiayai semula hutang yang sedia ada. Selepas pelarasan bagi penebusan semula, terbitan bersih kekal tinggi, iaitu berjumlah RM3.6 bilion. Dalam pasaran ekuiti, dana yang lebih rendah berjumlah RM115 juta diperoleh terutamanya daripada terbitan hak dan tawaran awam awal (IPO). Sementara itu, sejumlah bersih RM4.4 bilion diperoleh daripada sektor awam, terutama melalui terbitan MGS 5.5 tahun dan 20 tahun.



Aktiviti dagangan lebih rendah di pasaran saham

Pada bulan Oktober, KLCI kekal melebihi paras 900 mata, meskipun aktiviti dagangan lebih rendah. Ketidakpastian yang berterusan mengenai prospek pertumbuhan terjejas oleh inflasi yang lebih tinggi, menyumbang kepada kelembapan prestasi pasaran. KLCI ditutup lebih rendah pada 910.76 (semenjak akhir bulan September: -1.8%) dengan permodalan pasaran menurun kepada RM702.68 bilion (semenjak akhir bulan September: -1.8%). Urus niaga purata harian pada bulan itu dilaporkan lebih rendah pada 364.7 juta unit (September: 408.2 juta unit).



KLCI menurun pada tiga minggu pertama bulan November

Pasaran terus lembap bagi tiga minggu pertama bulan November dengan kebimbangan terhadap ketidakpastian mengenai prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi yang lebih tinggi. Pada 25 November, KLCI ditutup pada 904.28 (semenjak akhir bulan Oktober: -0.7%) dengan permodalan pasaran pada RM698.16 bilion (semenjak akhir bulan Oktober: -0.6%). Dagangan juga menurun dengan urus niaga purata harian pada 262 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM290.4 bilion atau bersamaan USD77.1 bilion pada 31 Oktober 2005. Rizab berjumlah RM285.2 bilion atau bersamaan USD75.7 bilion pada 15 November 2005. Kedudukan rizab itu memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan ialah 5.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal kukuh

Sistem perbankan terus mencatat paras permodalan yang kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) bertambah kukuh kepada 13.4% dan nisbah modal teras kekal tidak berubah pada 10.6% pada akhir bulan Oktober 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh terbitan modal baru dan peningkatan dalam keuntungan. Kualiti aset kekal terurus dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 4.7%. Peningkatan yang kecil dalam NPL bersih kepada RM24.8 bilion disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan klasifikasi NPL yang lebih ketat oleh sebuah institusi perbankan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	2000	2001	2002	2003	Dis 04	Ogos 05	Sep 05	Okt 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	10.9	10.6	10.6
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.3	13.6	13.3	13.4
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	4.9	4.7	4.7
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,630	25,464	24,584	24,836
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan kekal kukuh…



…sementara paras NPL kekal terurus

Bank Negara Malaysia
28 November 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Ogos 05		Sep 05		Okt 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		50.8	7.1	52.1	10.6	55.5	11.0
M1		118.7	12.2	118.0	9.9	123.1	12.6
M2		597.5	27.9	600.5	24.2	602.1	19.6
M3		655.4	12.3	656.6	10.9	657.5	9.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		673.4	14.8	677.0	13.4	671.6	11.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		540.0	9.0	548.0	9.2	551.3	9.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		77.0		77.9		78.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		84.8		85.6		87.0	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		29.1	11.0	27.5	9.3	27.1	12.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		18.2	27.1	19.1	21.0	18.4	18.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		43.9	13.7	49.4	15.3	49.9	20.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		39.2	6.7	41.2	7.6	45.5	11.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.6		13.3		13.4	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.9		4.7		4.7	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		304.3		302.7		290.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		80.1		80.3		77.1	
Bilangan bulan import tertangguh		9.0		8.9		8.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.69 [2.70]		2.73 [2.70]		2.69 [2.69]	
	Seminggu	2.71 [2.72]		2.75 [2.72]		2.70 [2.73]	
	1 bulan	2.83 [2.84]		2.87 [2.86]		2.88 [2.87]	
	3 bulan	2.89 [2.88]		2.90 [2.89]		2.92 [2.91]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.91		5.90		5.95	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		109.7	3.7	109.8	3.4	110.3	3.3
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		166.5	9.0	169.8	9.4	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.6027		4.5421		4.5515	
Paun Sterling		6.7605		6.6438		6.6999	
100 Yen Jepun		3.3985		3.3359		3.2616	
Dolar Singapura		2.2395		2.2315		2.2308	
100 Baht Thailand		9.1178		9.1988		9.2576	
100 Peso Filipina		6.7098		6.7262		6.8570	
100 Rupiah Indonesia		0.0346		0.0366		0.0373	
100 Won Korea		0.3648		0.3619		0.3618	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.0		2.7		4.4	
	swasta	2.0		3.2		3.7	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		913.6		927.5		910.8	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		706.4		715.4		702.7	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.